

MENTALITI GEN Y

LEBIH separuh abad kita menghela nafas kemerdekaan dengan penuh jaya, namun remaja yang merupakan bakal tunjang negara kini masih terbelenggu oleh pelbagai kemelut sosial. Yang perlu kita akui kini ialah mentaliti remaja negara kita belum mengalami anjakan paradigma seiring dengan arus perubahan negara kita. "Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini." Presiden Soekarno pernah mengungkap. Daripada ungkapan tersebut jelas bahawa remaja yang berkualiti dapat memperkasakan kegemilangan nusa dan bangsa. Sehubungan dengan itu, setiap remaja perlu memainkan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab untuk membantu merencanakan pembangunan negara.

Peranan utama remaja ialah mereka perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dari aspek akademik. Kecemerlangan akademik merupakan satu daripada elemen yang penting untuk melahirkan remaja yang berkualiti untuk kepentingan negara. Keupayaan intelek yang tinggi merupakan faktor perdana untuk menjanakan kecemerlangan tamadun sesebuah bangsa.

Sehubungan dengan itu, remaja perlu proaktif dalam menimba ilmu bukan sahaja semasa di kelas, tetapi juga menuntut segala pengetahuan yang berkaitan dengannya, terutamanya Ilmu Sains dan Matematik, melalui pelbagai cara, termasuklah membaca buku dan melayari laman maklumat di dunia maya. Ketekunan dan inisiatif merupakan prasyarat

Pada alaf baharu yang penuh dengan kompetitif, remaja kita perlu memiliki kecergasan fizikal dan bersemangat waja tanpa mengenal istilah putus asa supaya dapat *berdiri sama tinggi, duduk sama rendah* dengan remaja di negara maju. Untuk mencapai kesihatan fizikal dan mental, remaja patut mengamalkan pemakanan seimbang, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, bersenam, bersukan, beriadah, dan tidak terlibat dalam pelbagai kegiatan sosial

kekanan. Pada alaf baharu yang penuh dengan kompetitif, remaja kita perlu memiliki kecergasan fizikal dan bersemangat waja tanpa mengenal istilah putus asa supaya dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan remaja di negara maju. Untuk mencapai kesihatan fizikal dan mental, remaja patut mengamalkan pemakanan seimbang, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, bersenam, bersukan, beriadah, dan tidak terlibat dalam pelbagai kegiatan sosial, seperti minum arak, merokok, kegiatan maksiat, dan najis dadah, kerana terlahak perahu boleh diundur, terlahak laku buruk padahnya.

Apa-apa yang berlaku semasa Festival Future Music baru-baru ini diharapkan menjadi pengajaran supaya remaja hari ini menghindarkan diri daripada gejala tidak sihat dan menusahkan diri sendiri. Remaja kita harus sedar bahawa kesihatan merupakan aset yang tidak ternilai. Tanpa kesihatan, segala-galanya tidak lagi membawa makna. Hal ini sangat bertepatan dengan slogan rakyat sihat, negara maju. Oleh itu, remaja yang sihat dan mempunyai jati diri yang kukuh berupaya membantu melaksanakan pembangunan negara.

Selain itu, remaja mestilah memiliki etika atau personaliti yang luhur. Remaja kita harus disuntikkan ajaran agama


dan nilai moral sejak kecil. Lantaran itu, ibu bapa dan pihak sekolah memainkan peranan yang penting untuk mendidik remaja menjadi modal insan kelas pertama yang berakhlak mulia dan berjati diri unggul.

Selain menitikberatkan ajaran agama dan pendidikan moral, remaja harus dibimbing supaya melakukan kerja amal dan memberikan khidmat sosial, termasuklah bergotong-royong, menziarahi rumah kebajikan orang tua dan kanak-kanak yatim, mengutip derma untuk membantu mangsa bencana alam, serta terlibat dalam pelbagai aktiviti sukarela. Remaja yang cetek imannya sudah pasti mudah terjerumus ke dalam kebejatan sosial. Dengan kata lain, remaja berkepemimpinan harus bersahsiah mulia, berinsaniah, berbudi bahasa, dan berkasih sayang agar dapat melahirkan negara yang maju, sama ada secara luarannya ataupun dalamannya pada suatu hari nanti.

Remaja perlu kreatif dan inovatif untuk memacu pembangunan negara yang gemilang. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya mereka yang berani dan kreatif berupaya mempelopori bidang yang baharu dan mengencep kejayaan yang terbilang. Dalam industri teknologi komunikasi dan maklumat, umat yang gigih dan berani mencuba sesuatu yang baharu

untuk mencapai kecemerlangan akademik. Remaja juga tidak harus terbuai di dunia yang mengalpakkan, iaitu terlalu khusyuk di dunia hiburan atau mengamalkan hedonisme. Beringatlah tentang kelekaan yang bersesuaian dengan peribahasa, ikut hati mati, ikut rasa binasa. Tegasnya, tanpa remaja yang bijak pandai, maka pembangunan negara akan terganggu.

Walaupun bagaimanapun, kecemerlangan akademik semata-mata tidak dapat menjamin pembangunan negara jika remaja kita tidak memiliki kesihatan fizikal dan mental. Remaja yang ingin membangunkan negara perlu memiliki kekuatan fizikal dan mental untuk menempuhi segala



Gambar 1

Remaja menggalas tanggungjawab yang besar untuk menjana pembangunan negara.

Gambar 2

Remaja kini perlu bangkit mempersiapkan diri bermula dari peringkat awal lagi.



akan menikmati buah kejayaan yang manis. Rentetan daripada itu, remaja harus dilatih supaya berani berimaginasi dan berkhayal, tetapi disusuli aplikasi yang ber sistematik dan berkesan. Ibu bapa harus memberikan sokongan yang padu dan galakan yang tidak terhingga jika anak mereka melontarkan impian mereka. Dalam konteks ini, pelibatan remaja dalam pelbagai bidang, sama ada kebudayaan, sukan, kepimpinan ataupun keusahawanan, berupaya

menjanakan kreativiti dan inovasi remaja. Pendek kata, pembangunan negara akan tercapai jika kita mempunyai barisan pelapis negara yang kreatif dan inovatif.

Remaja dapat memainkan peranan mereka untuk membangunkan negara dengan memiliki sikap keterbukaan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila golongan ini mempunyai sifat sedemikian, mereka lazimnya dapat menerima teguran dan pandangan

orang lain. Dalam nada yang serupa, remaja seumpama ini dapat memberikan kesan kepada negara kita. Mereka dapat menjamin kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara. Mereka akan menjadi pendukung untuk mencapai perpaduan negara atau integrasi nasional demi mewujudkan kesejahteraan sosial. Mereka sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan bertolak ansur untuk mencapai misi dan visi negara, iaitu semua rakyat perlu bersatu padu di bawah satu bumbung, yakni satu bangsa satu bahasa dan satu negara. Maka sifat keterbukaan remaja sudah pasti dapat memudahkan mereka menjadi pemimpin yang mampu membangunkan negaranya dengan penuh komited dengan dipayungi perpaduan antara rakyatnya.

Remaja mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menjanakan pembangunan negara kerana pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Remaja sebagai tunjang yang bakal menerajui kepemimpinan negara haruslah merdeka daripada belenggu angka sosial. Hanya remaja yang berkualiti akan memangkinkan kecemerlangan negara. Jika remaja kita tidak diasuh, dibimbing, dan dididik dengan kamil, tidak mustahil segala aspirasi negara hanya sekadar imaginasi semata-mata dan tidak dapat menjadi realiti.

Oleh itu, remaja kita perlu terjaga daripada lena dan keasyikan serta melengkapkan diri dengan ciri yang mulia supaya dapat menempatkan diri sebagai modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan hal yang demikian, negara kita dapat berdiri dengan gagah di pentas antarabangsa bergandingan dengan negara maju yang lain dan terkenal seantero dunia. **ES**